

04 APR 1999

Abdullah-Mahathir

KEADAAN DR MAHATHIR TIDAK MEMBIMBANGKAN, KATA ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 4 April (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata orang ramai tidak perlu risau dengan kesihatan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang kini menjalani rawatan infeksi paru-paru di Institut Jantung Negara (IJN), kerana keadaan beliau tidak membimbangkan.

Beliau berkata Perdana Menteri memerlukan rehat yang banyak memandangkan Dr Mahathir sangat aktif sebelum ini.

"Saya pergi jumpa Perdana Menteri tadi dan saya sendiri rasa kita tidak perlu bimbang terhadap kesihatannya," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat untuk anggota-anggota Parlimen Barisan Nasional sempena bermulanya persidangan Parlimen esok.

Dr Mahathir dimasukkan ke IJN di sini sejak Jumaat lepas kerana mengalami infeksi paru-paru sekembalinya dari menunaikan fardu haji Rabu lepas.

"Saya sempat cakap dengan Perdana Menteri dan saya nampak keadaannya baik dan bila saya tanya adakah mungkin dalam dua tiga hari lagi beliau bertugas semula, Perdana Menteri menjawab Insyaallah," katanya.

Beliau juga ditanya mengapa Dr Mahathir dimasukkan ke IJN sedangkan beliau menghidapi infeksi paru-paru.

Abdullah berkata adalah menjadi kebiasaan bagi seseorang yang menjalani rawatan atau pembedahan jantung di IJN untuk mendapatkan rawatan sebarang penyakit di institut itu.

"Saya sendiri pernah menjalani pembedahan jantung di IJN dan bila saya ada sebarang penyakit seperti selsema dan bronkitis, saya akan pergi di IJN sebab mereka sudah ada ubat dan doktor-doktor di situ juga sudah mempunyai rekod kesihatan saya," katanya.

Ditanya sama ada Dr Mahathir akan membentangkan Kertas Putih ekonomi negara pada persidangan Dewan Rakyat minggu depan, Abdullah berkata: "Kalau Perdana Menteri sihat dan pulih, beliau akan berbuat demikian.

"Yang perlu sekarang ialah Perdana Menteri mesti rehat sebab sebelum itu kita tahu betapa aktifnya beliau dengan kegiatan dalam negeri dan lawatan ke negeri-negeri serta berkempen di Sabah," katanya.

Mengenai program lawatan Dr Mahathir ke negeri-negeri termasuk Sabah, Abdullah berkata Perdana Menteri tidak menyebut sebarang pindaan dan ini bermakna program yang diatur tidak berubah.

Abdullah bagaimanapun berkata beliau telah diminta oleh Dr Mahathir untuk mewakili Perdana Menteri pada perasmian persidangan Parlimen oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar, esok.

--BERNAMA

ARA NAK